

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 JANUARI 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 7

### Baiki rumah pusaka warga emas guna bantuan pasca banjir

**PASIR MAS** – Seorang warga emas yang hidup sebatang kara di Kampung Putat, Rantau Panjang di sini bersyukur dengan bantuan yang diterimanya daripada Program Rintis Pembalikan Rumah Pasca Banjir 2022 sekali gus dapat membaiki rumah pusaka milik bapanya yang sudah usang.

Zulkifli Abdul Rahman, 60, berkata, rumah yang menjadi tempat berteduhnya sejak 30 tahun lalu itu sering ditenggelami banjir setiap kali musim tengkujuh sehingga menyebabkan rumah itu reput dan berlubang.

Dia yang tidak mempunyai pekerjaan tetap, sekadar sebagai buruh kampung tidak berkemampuan untuk membaiki rumah pusaka yang sudah hampir menyembah bumi itu.

“Saya memperoleh pendapatan RM50 sehari jika khidmat saya sebagai buruh kampung diperlukan.

“Selain rumah yang uzur, atap



ZULKIFLI berdiri di hadapan rumah pusaka yang semakin uzur kerana sering dilanda banjir pada musim tengkujuh.

juga sudah lama bocor dan saya memblarkan sahaja hujan masuk ke rumah.

“Saya amat bersyukur dengan bantuan wang tunai sebanyak RM2,500 menerusi Program Rintis Pembalikan Rumah Pasca

Banjir 2022.

“Selain itu, saya juga akan menerima bantuan untuk membaiki rumah sebanyak RM15,000,” katanya ketika ditemui Kosmol kelmarin.

Terdahulu, Ketua Pengarah



ROSLI

Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Rosli Ubi berkunjung ke rumah Zulkifli untuk menyampaikan bantuan tersebut.

Menurut Zulkifli, wang tunai itu membantunya untuk meneruskan kehidupan selepas sudah tidak mampu melakukan kerja berat ekoran penyakit lelah.

“Sepanjang tinggal sebatang kara di rumah ini, saya tidak pernah menerima sebarang

bantuan selain makanan asas daripada penghulu kawasan setakat ini.

“Program Rintis Pembalikan Rumah Pasca Banjir 2022 merupakan bantuan pertama yang saya terima sejak rumah ini ditenggelami banjir semasa musim tengkujuh setian tahun,” katanya.

Sementara itu, Penghulu Mukim Kuin Merah, Rosli Sulaiman berkata, Zulkifli merupakan penerima bantuan yang layak selepas rumahnya rosak teruk dan penilaian telah dilakukan pihak berwajib.

“Zulkifli merupakan golongan yang terkesan setiap kali tibanya musim banjir dan perlu berpindah ke pusat pemindahan sementara apabila rumahnya ditenggelami air paras pinggang,” ujarnya.

Rosli berkata, bantuan itu dapat meringankan beban Zulkifli selain memberi sinar baharu buatnya untuk meneruskan kehidupan dengan lebih baik selepas ini.